



**MAJLIS DAERAH MERSING
NO.1, JALAN TUN DR ISMAIL
86800 MERSING, JOHOR.**

Permohonan yang berkelayakan adalah dipelawa dan keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan :

SKIM PERKHIDMATAN : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**
(Bil.Kekosongan : 1)

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**

TARAF JAWATAN : **TETAP**

GRED : **N19**

JADUAL GAJI

<u>GRED</u>	<u>JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM</u>
--------------------	--

N19	: RM1,352.00 - RM4,003.00
------------	----------------------------------

SYARAT KELAYAKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

*(Gaji Permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00);
atau*

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji Permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.40);
atau*

(iii) Sijil Pelajaran Malaaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU** 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang - kurangnya Gerd C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan diperenggan 1 (c); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 50 tahun.



**PEJABAT MAJLIS DAERAH MERSING
NO.1, JALAN TUN DR ISMAIL
86800 MERSING, JOHOR.**

CARA-CARA MEMOHON :

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang asal MDM yang boleh dicetak daripada portal rasmi **MDM** <http://www.mdmersing.gov.my>.
2. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut :-
 - 2.1 Kad Pengenalan diri;
 - 2.2 Sijil Kelahiran;
 - 2.3 Sijil-Sijil Persekolahan ;
 - 2.4 Kelulusan akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon;
 - 2.5 Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika Diploma/Ijazah sebenar masih belum diterima) ;
 - 2.6 Satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport ;
 - 2.7 Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada).

3. PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- 3.1 Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat **melalui KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini seperti mana mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- 3.2 Bagi kelayakan Sijil/Diploma/Ijazah perlu dilampirkan pengiktirafan kelayakan di jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Laman Web Interaktif : <https://app.mohe.gov.my/iktiraf> dan lampirkan bersama borang permohonan.
- 3.3 Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan kemas dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.
- 3.4 Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat seperti dalam iklan akan **DITOLAK** serta merta.
- 3.5 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja dipanggil untuk temuduga.
- 3.6 Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- 3.7 Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ditanggung sendiri oleh pemohon.

4. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH MERSING,
NO. 1 JALAN TUN DR ISMAIL ,
86800 MERSING,JOHOR .
(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : Sebelum atau pada 31 MAC 2019.

PERINGATAN:

**SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH
PEGAWAI KERAJAAN DARI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
ATAU PENGHULU MUKIM BERKENAAN.**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(NORAZMI BIN AMIR HAMZAH)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Mersing.